

SOALAN NO. 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT
[JERAI]

TARIKH : 24 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi meringankan bebanan golongan petani, pekebun dan pesawah khususnya di negeri Kedah yang begitu terkesan dengan pemotongan pelbagai subsidi dan insentif dalam Belanjawan 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 Kerajaan telah meluluskan RM1.54 bilion untuk keseluruhan subsidi dan insentif bagi sektor padi dan beras. Bagi pembekalan baja di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) sebanyak RM382.5 juta telah diperuntukkan manakala RM413.8 juta bagi pembekalan komponen di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) seperti baja Tambahan NPK serta racun makhluk perosak. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM626.5 juta bagi Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) iaitu peningkatan daripada RM300 bagi setiap metrik tan jualan padi kepada RM360 yang mula berkuatkuasa pada Musim 1/2019.

2. Untuk tanaman lain pula selain padi dan beras, Kerajaan memperuntukan insentif-insentif tertentu di bawah pelaksanaan projek seperti:
 - i. Input Pertanian meliputi perolehan benih, baja dan racun;
 - ii. Pembangunan kawasan meliputi pembersihan kawasan dan penyediaan infrastruktur ladang;
 - iii. Penyediaan sistem pengairan, saliran dan perparitan; dan
 - iv. Pembinaan pusat pengumpulan dan pemprosesan dan stor.

3. Antara langkah yang diambil bagi meringankan bebanan golongan petani, pekebun dan pesawah khususnya di negeri Kedah adalah seperti berikut:
 - i) memperuntukan sebanyak RM150 juta dalam bajet RMKe11 bagi meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi dalam aktiviti penanaman dan penuaian padi sekaligus membantu mengurangkan kos pengeluaran;

SOALAN NO. 8

- ii) meneruskan harga belian padi pada kadar RM1,200 per tan metrik bagi menggalakkan penghasilan padi yang tinggi sekaligus meningkatkan pendapatan dalam kalangan pesawah;
 - iii) menyediakan insentif benih padi sah sebanyak RM75 juta pada setiap tahun bagi memastikan benih padi berkualiti dibekalkan kepada pesawah pada kos yang mampu untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah;
 - iv) melaksanakan program pemulihan tanah (*soil profiling*) bertujuan mengenalpasti tahap kesuburan tanah dan kesesuaian bantuan baja dalam usaha meningkatkan kecekapan bantuan input dan memastikan peningkatan produktiviti tanaman padi; dan
 - v) *membangunkan Rice Check* dan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kehilangan lepas tuai yang seterusnya boleh meningkatkan pendapatan petani.
4. Selain daripada itu, Kementerian juga menggalakkan pesawah untuk melaksanakan penanaman bercampur (*mixed cropping*) dengan tanaman-tanaman lain yang bersesuaian bagi mempelbagaikan pendapatan pesawah.

Sekian, terima kasih.